



ZAHARAH (kanan) ditemani adiknya menaiki helikopter Unit Udara JBPM ke Hospital Gua Musang untuk bersalin.

## Guna heli bantu wanita nak bersalin

**Gua Musang:** Kabus tebal tidak menghalang Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melaksanakan tugas menyelamatkan wanita orang Asli mahu bersalin semalam.

Penerbangan ihsan itu dilakukan ke Kampung Lalok, Pos Bihai, dekat sini, bagi membawa keluar Zaharah Asop, 34, yang sarat mengandung sembilan bulan ke Hospital Gua Musang (HGM).

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara JBPM Pangkalan Subang Penolong Penguasa Bomba Mohd Farhan Marzuki berkata, penerbangan itu berlepas dari Subang jam 9 pagi.

Menurutnya, pihaknya sebelum itu menerima laporan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Gombak berhubung keadaan wanita berkenaan jam 6 petang kelmarin.

Katanya, arahan dikeluarkan untuk mengadakan penerbangan ihsan menggunakan kru Agusta A109E ke Kampung Lalok segera pagi semalam.

“Ia berikutan wanita

orang Asli terbabit sudah tiga hari sakit mahu bersalin anak ketiga dan kampungnya terletak jauh dengan bandar,” katanya ketika dihubungi.

Menurut Mohd Farhan, helikopter itu terpaksa melakukan penerbangan pada ketinggian 2,500 kaki dari aras laut kerana kabus tebal.

Katanya, helikopter itu kemudiannya dapat mendarat dengan selamat untuk mengambil pesakit wanita terbabit jam 10.20 pagi.

“Alhamdulillah, walaupun keadaan cuaca yang boleh menjejaskan penerbangan itu, tetapi tidak ada kejadian tidak diingini berlaku dan berjalan dengan selamat,” katanya.

Katanya, penerbangan itu mendarat di pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang jam 10.40 pagi sebelum pesakit dibawa ke HGM.

Penerbangan itu diketuai juruterbang, Timbalan Penguasa Bomba II Mohd Faizal Abd Latif dan dibantu penolong juruterbang iaitu Penolong Penguasa Bomba Fazli Ezham Jamil.